

Apec: Sikap PM mula difahami

B.H. 24 NOV 1993

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tumpuan dunia kerana tidak menghadiri sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) tetapi mesejnya kini boleh difahami, kata penganalisis, hari ini.

Mahathir memulaukan sidang pertama Apec yang diadakan di Seattle, Amerika Syarikat dengan alasan forum harus kekal sebagai sebuah kumpulan yang membantu anggotanya yang lemah.

"Malaysia berhak memilih bila mahu menyertai sidang Apec," kata diplomat kanan Asia.

Pertemuan 14 pemimpin Apec menghasilkan kenyataan bersama mengenai wawasan ekonomi, dengan ikrar kerjasama perdagangan, pendidikan dan alam sekitar. Mereka bersetuju untuk bersidang lagi di Indonesia tahun depan.

"Sukar untuk mempercayai Mahathir tidak akan ke Indonesia tahun depan," kata diplomat.

Sementara itu Presiden

Suharto, menolak pembentukan kawasan perdagangan bebas di rantau Asia Pasifik, menurut Presiden Austria, Thomas Klestil kepada wartawan di Vienna, semalam.

Selepas permesyuarat dengan pemimpin Indonesia, Klestil berkata Suharto tidak memihak kepada kawasan perdagangan bebas kerana perbezaan pertumbuhan ekonomi yang meluas di antara negara-negara di rantau Asia-Pasifik.

Suharto melawat Austria selepas menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, di Seattle, Amerika Syarikat.

Klestil berkata, pemimpin Indonesia itu tidak mahu kenyataannya itu disiarkan di akhbar.

Beliau berkata, Suharto 'bangga' dengan kemajuan ekonomi di negaranya dan mengalu-alukan pelaburan di Indonesia.

Klestil berkata, Suharto membincangkan prospek meningkatkan pelaburan Austria di In-

'menerima' sebarang tawaran jika Nafta membuka pintunya.

"Apabila Nafta dikuatkuasakan dan jika masanya sudah tiba, ia harus membuka pintunya kepada negara lain dalam Apec, sama ada secara persendirian atau serantau," katanya dalam akhbar The Straits Times.

Goh berkata, walaupun Singapura mementingkan Pertubuhan Negara Asia Tenggara (Asean) dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Amerika kekal sebagai rakan dagangan utama negara itu.

"Singapura mahu terus berdagang dalam pasaran Amerika," katanya.

Goh berkata, beliau sudah mencadangkan Kawasan Perdagangan Bebas Pasifik Asia menghubungkan Nafta dan Afta.

Walaupun konsep Pasifik Asia tidak dibincangkan, Goh mencadangkan Nafta membenarkan anggota Apec menyertai kumpulan pasaran bebas. — Agensi

donesia dan perluasan hubungan ekonomi antara dua negara.

Di SINGAPURA, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong berkata Nafta perlu diperluaskan kepada negara-negara anggota Apec.

Akhbar-akhbar di sini memetik Goh berkata di sidang kemuncak Apec di Seattle, kerajaannya akan